

Dari Bukit Aman

Bersama menghadapi bah

Oleh Tan Sri Khalid Abu Bakar

Salam sejahtera dan Selamat Tahun Baru. Di saat akhir kita menghabiskan sisa-sisa 2014, kita diduga dengan bencana banjir luar biasa yang melanda beberapa negeri di Semenanjung. Seluruh jentera kerajaan yang terbabit dalam pengurusan banjir kemudian digerakkan sepenuhnya demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan orang awam. Jabatan serta agensi kerajaan terbabit sudah melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara bersepadu supaya gerak kerja yang dilaksanakan lebih terselaraskan dan berkesan.

Seperti biasa, seluruh rakyat Malaysia mempamerkan solidariti yang amat membanggakan dalam sama-sama membantu mangsa banjir, tanpa mengira bangsa, agama dan fahaman politik. Sumbangan datang mencurah-curah dan pihak korporat turut membantu untuk memudahkan misi bantuan banjir. Contohnya, AirAsia Bhd melalui East Coast Flood Relief Fundnya, sedang berkolaborasi dengan Mercy Malaysia untuk melaksanakan proses pembersihan dan pembaikpulihan sekolah dan hospital selepas banjir surut. Firefly Airlines menyediakan penerbangan percuma dan ruang kargo kepada pihak yang terbabit dalam misi bantuan ke Kelantan dan Terengganu.

Weststar Group of Companies turut membantu untuk menerbangkan sumbangan bantuan kepada mangsa banjir serta membantu agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang terbabit di dalam 'flood-relief mission'. Malah, ratusan lagi pihak yang terbabit, sama ada persatuan atau orang perseorangan sudah menghulurkan bantuan dalam pelbagai bentuk yang mana tidak dapat hendak saya zahirkan di dalam ruang yang terhad ini. Kepada semua pihak ini, rakyat Malaysia mengucapkan jutaan terima kasih.

Banjir yang melanda kali ini turut memberi cabaran besar kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya kepada mangsa banjir di mana sebanyak 24 balai polis di Kelantan, Terengganu dan Pahang sudah rosak akibat ditenggelami

banjir. PDRM sedang dalam proses mengenal pasti kerosakan infrastruktur dan peralatan yang musnah bagi membolehkan pihak polis terus memberikan perkhidmatan kepada masyarakat setempat dalam usaha mengurangkan kehilangan jiwa dan harta benda.

Fokus PDRM sekarang ialah memberi bantuan kepada mangsa banjir daripada segi memudahkan penghantaran bekalan makanan dan tenaga kerja bagi membersihkan rumah mangsa banjir. Dalam hal ini, seramai lebih kurang 10,000 anggota polis dikerahkan bagi memastikan bantuan makanan sampai kepada mangsa banjir, selain membantu mangsa banjir yang memerlukan bantuan daripada pelbagai aspek. Selain itu, PDRM turut memberi perhatian untuk memastikan kegiatan pecah rumah tidak berlaku kerana terdapat pihak yang mengambil kesempatan di dalam saat genting sebegini. Setakat ini, enam laporan polis sudah diterima membabitkan jenayah kecurian pada musim banjir dan pihak polis sudah menempatkan anggota tambahan di lokasi yang dijangka akan berlaku kejadian pecah kedai dan sebagainya.

Warga PDRM yang bertugas di negeri yang dilanda banjir turut terjejas bukan saja dari sudut kerosakan pada balai tempat bertugas, malah keluarga mereka juga terpaksa dipindahkan ke pusat penempatan sementara kerana rumah mereka turut ditenggelami air. Di sinilah saya melihat komitmen pegawai dan anggota polis yang sanggup meneruskan tanggungjawab terhadap masyarakat dan membiarkan ahli keluarga mencari perlindungan di pusat pemindahan. Selain itu, insiden helikopter PDRM yang terhempas di Tanah Merah, Kelantan pada 31 Disember 2014 (semua juruterbang dan kru selamat) ketika dalam misi menghantar barang bekalan makanan kepada mangsa banjir tidak sedikit pun menjejaskan semangat warga PDRM untuk meneruskan khidmat mereka kepada masyarakat. PDRM akan terus berkolaborasi dengan semua pihak yang memerlukan bantuan seperti mana yang terjalin

dengan pihak IM4U, iaitu sebuah badan bukan kerajaan (NGO) amal dan sukarela, yang memerlukan khidmat pengangkutan lori PDRM untuk menghantar barang sumbangan kepada mangsa banjir melalui TUDM Subang.

Saya juga amat bangga kerana pihak perseorangan tidak melupakan jasa dan pengorbanan pihak polis kepada masyarakat. Pada 30 Disember 2014, syarikat korporat Jason Roadwork Construction North Soil Engineering sudah menghulurkan bantuan bernilai RM50,000 (RM20,000 berbentuk cek dan RM30,000 berbentuk barangan makanan dan keperluan) untuk membantu 947 keluarga PDRM yang menjadi mangsa banjir di Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Para pembaca budiman, ibarat menangguk di air yang keruh, segelintir anggota masyarakat sanggup melakukan perbuatan keji demi mencapai kepentingan tertentu dalam situasi di mana orang lain ditimpa musibah.

PDRM amat memandangkan berat akan tindakan sesetengah pihak yang terus menerus menyebarkan khabar angin dan fitnah dalam ketika seluruh negara bertungkus-lumus untuk meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa banjir. Berita palsu yang disebarkan kononnya pusat pemindahan ditenggelami banjir dan semua mangsa mati lemas, adalah satu perbuatan yang tidak berperikemanusiaan. Ia membuatkan ahli keluarga bersedih tanpa sebab, selain membangkitkan kemarahan masyarakat terhadap pihak berkuasa yang dianggap gagal berusaha untuk membantu mangsa banjir.

Saya amat terkilan kerana ada juga berita yang disebarkan yang mendakwa kononnya pasukan penyelamat menghalang pihak tertentu untuk menghantar bantuan kepada mangsa. Berita berkenaan mendakwa bahawa sumbangan itu

diambil oleh pasukan penyela-
mat di mana ia dibungkus
semula dengan menggu-
nakan logo kerajaan
atau parti politik ter-
tentu. Ini jelas satu
bentuk fitnah yang
bertujuan mem-
bangkitkan kema-
rahan rakyat supa-
ya membenci kera-
jaan. Kepada mereka
yang bertanggungja-
wab menyebarkan berita
palsu sebegini, saya berharap
mereka dapat segera insaf kerana
setiap niat yang buruk, pasti akan
menerima ganjaran buruk kelaknya.
Setidak-tidaknya, bersimpatilah de-
ngan mangsa banjir dan ahli ke-
luarga mereka dan jangan jadikan
kesusahan orang lain sebagai satu
platform untuk tujuan gurauan,
memfitnah atau kepentingan politik.
Sepatutnya kita bersyukur yang kita
dan keluarga kita tidak ditimpa mu-
sibah yang sebegitu hebat.

Saya juga ingin mengingatkan
orang ramai supaya tidak terpedaya
dengan pihak yang memohon ban-
tuan kewangan kononnya untuk
diberikan kepada mangsa banjir.
Majlis Keselamatan Negara (MKN)
sudah menubuhkan sebuah tabung
dan sehubungan itu, kepada sesiapa
yang ingin menderma, salurkanlah

bantuan secara terus kepada MKN
supaya bantuan itu dapat disam-
paikan kepada yang berhak.

Bagi tujuan mengurangkan ke-
gusaran dan kesedihan rakyat ter-
hadap berita yang disebarkan oleh
pihak yang tidak bertanggungja-
wab, PDRM akan terus membe-
rikan kerjasama kepada Suruhan-
jaya Komunikasi dan Multimedia
Malaysia (SKMM) dalam siasatan ke-
atas kes penyebaran maklumat pal-
su khususnya melalui laman sosial.
Setakat ini, pihak SKMM sudah
mengenal pasti 10 berita palsu se-
pertimana berikut dan berharap
anggota masyarakat tidak berkong-
si maklumat itu secara tidak ber-
tanggungjawab:-

- Sepuluh orang sekeluarga ter-
perangkap dalam rumah mati le-
mas di Guchil, Kelantan yang di-
petik sumber kononnya daripada
sebuah stesen berita.

- Keruntuhan pusat pemindahan
Sekolah Manek Urai.

- Kerajaan menyembunyikan
fakta ramai orang mati lemas ke-
rana banjir.

- Pintu empangan di Selatan
Thailand dibuka dan menyebabkan
banjir di Kelantan.

- Bantuan daripada NGO untuk
mangsa banjir tak sampai.

- Mayat kanak-kanak dikeluar-
kan daripada lumpur yang dika-
takan mangsa banjir di Kelantan.

- Helikopter TUDM terpaksa di-
sewa untuk bawa keluar pesakit
dari Hospital Kuala Krai.

- Seorang wanita terjun dari se-
kolah ke dalam air.

- Bantuan disekat oleh pihak
berkuasa.

- Bantuan diterima oleh orang
BN sahaja.

Para pembaca yang saya hormati
sekalian,

Marilah kita bersatu hati di dalam
berhadapan dengan dugaan Ilahi
ini. Elakkan sebarang perbuatan
yang boleh memecah-belahkan
perpaduan antara kita, dalam sa-
at-saat di mana saudara kita ke-
hilangan tempat tinggal dan harta
benda. Jangan mudah terpedaya
dengan berita palsu, dakyah serta
manipulasi pihak tertentu yang cu-
ba mengambil kesempatan di atas
kesusahan rakyat. PDRM dan
lain-lain agensi terbabit akan terus
berusaha untuk memastikan
mangsa banjir menerima bantuan
yang diperlukan. Begitu juga de-
ngan masyarakat prihatin Malaysia,
pertubuhan dan syarikat korporat
yang sudah menghulurkan pelbagai
bentuk bantuan dalam meringan-
kan beban yang ditanggung oleh
mangsa banjir.

Terima kasih Malaysia.

Penulis Ketua Polis Negara